



"The Entrepreneurial University"

The Official Portal of  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Bahasa Melayu English Others | ●●●

Search...

Staff  
Staff Email  
E-Community

[Home](#)

[Info UMK](#)

[Undergraduate](#)

[Postgraduate](#)

[Faculties/Centres](#)

[Faculty of Entrepreneurship & Business](#)

[Faculty of Creative Technology and Heritage](#)

[Faculty of Veterinary Medicine](#)

[Faculty of Agro-Based Industry](#)

[Faculty of Earth Sciences](#)

[Centre for Modern Languages and Generic Development](#)

[Centre for Graduate Studies](#)

[Campus](#)

Student & Alumni Affairs Office  
Student

[Home](#) ▶ [Latest News](#) ▶ UMK, Universiti pertama guna kad debit Universiti-I Bank Islam- UMK (Unidebit)

## UMK, Universiti pertama guna kad debit Universiti-I Bank Islam- UMK (Unidebit)



KOTA BHARU 31 Oktober 2012 - Warga Universiti Malaysia Kelantan (UMK) terdiri daripada staf dan pelajar dapat memperoleh pelbagai manfaat daripada pelancaran kad pelbagai guna atau dikenali sebagai Kad Debit Universiti-i Bank Islam-UMK (UniDebit) yang direka khas dengan menggunakan cip tambahan yang tidak terdapat pada kad debit Visa yang lain di Malaysia.

Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose berkata, pelancaran kad ini adalah hasil daripada kerjasama strategik Bank Islam dan UMK sebagai satu inisiatif untuk memberikan perkhidmatan yang dapat memberi nilai tambah kepada pemegang kad tersebut.

Beliau berkata, kad Unidebit Bank Islam-UMK direka khas bukan sahaja menyediakan kemudahan pembayaran debit malah membolehkan 5000 pelajar dan 800 staf UMK menggunakan pelbagai kemudahan yang disediakan di universiti.

"Kad ini juga memuatkan aplikasi untuk penggunaan kad akses, untuk ke pejabat-pejabat pentadbiran dan bilik-bilik kuliah dan juga untuk proses pinjaman buku di perpustakaan dan kad pengenalan universiti yang digabungkan di dalam satu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Majlis Pelancaran Kad Unidebit Bank Islam-UMK, di sebuah hotel di Kota Bharu, Kelantan, pada 31 Oktober 2012.

Hadir sama, Pengarah Urusan Bank Islam Malaysia Berhad, YBhg. Dato' Seri Zukri Samat, Pengurus Negara Malaysia Visa, Mr. Stuart Tomlinson, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi dan Pengurus Bank Islam Cawangan Kota Bharu, YBrs. En. Mohd Supardi bin Yatim.

Menurut Prof. Datuk Dr. Raduan, fungsi pgunaan kad pintar ini akan bertambah dari semasa ke semasa mengikut keperluan dimasa akan datang.



Jelas beliau, melalui kad ini pihak universiti juga mampu mempertingkatkan lagi ciri-ciri keselamatan di Universiti kerana melalui sistem ini, pemantauan boleh dibuat dengan lebih menyeluruh dan terperinci.

“Pembaharuan ini akan dapat dimanfaatkan dan diterima baik oleh semua warga UMK dan seterusnya membantu mewujudkan satu komuniti yang peka dengan trend kewangan terkini iaitu ‘cashless environment’ atau pembayaran tanpa tunai,” ujarnya.

Sementara itu, Dato’ Seri Zukri berkata pemilihan UMK menjadi universiti awam pertama menggunakan kad Unidebit ini itu adalah kerana ia kini merupakan antara universiti terbaik negara.



Beliau menjelaskan, kad UniDebit ini hanyalah permulaan yang akan membuka ruang inovasi dan pendedahan kepada warga UMK untuk melakukan kajian yang lebih mendalam, di dalam pembangunan aplikasi kad ini di masa hadapan.

“Selain itu, ini juga merupakan titik permulaan bagi memperkenalkan pelajar dan kakitangan UMK kepada kemudahan kewangan dan transaksi Bank Islam yang terkini. Langkah ini kelak membolehkan pihak bank menjalinkan hubungan jangka panjang dengan pelajar, walaupun setelah mereka habis belajar dan mula bekerja,” katanya.





Pada majlis sama, Dato' Seri Zukri turut menyampaikan dana zakat berjumlah RM50, 000 kepada Prof, Datuk Dr. Raduan.

Sumbangan ini merupakan inisiatif tanggungjawab korporat Bank Islam dalam membantu para pelajar yang kurang berkemampuan untuk terus melanjutkan pelajaran mereka.

Dato' Seri Zukri berkata, Bank Islam berharap pemberian zakat ini sedikit sebanyak dapat membantu UMK mengadakan program-program yang dapat membantu meningkatkan taraf prasarana universiti serta pendidikan para pelajar demi menjana modal insan yang berguna.



Total Visitors :  
297614

- [Disclaimer](#)
- |
- [Privacy Policy](#)
- |
- [Security Policy](#)
- |
- [Site Map](#)
- |
- [Contact Us](#)
- |
- [FAQ](#)
- |
- [Help](#)

Copyright © 2012 Official Portal University Malaysia Kelantan.  
Best View Mozilla/Firefox/IE/Opera Friendly  
Universiti Malaysia Kelantan, Karung Berkunci 36, 16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan  
Tel : +609 - 7717000  
Fax : +609 - 7717022  
Email : webmaster@umk.edu.my  
Last Modified: 05/11/2012, 00:33:29.